



SEBAHAGIAN pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai misi kembara Global Islamic Student Outreach (GISO) di Seoul, Korea Selatan, baru-baru ini.

Kenali lebih dekat budaya, aktiviti masyarakat setempat

USIM sertai misi ilmu di Korea

Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI
utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 3 NOV.

SERAMAI 22 pelajar tahun akhir Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menjayakan misi kembara Global Islamic Student Outreach (GISO) di Seoul, Korea Selatan baru-baru ini.

Misi yang bertemakan bertemakan 'Kembara Mahabbah Ummah' selama enam hari itu bertujuan mengenali lebih dekat budaya dan aktiviti masyarakat di negara berkenaan.

Pengarah program, Mudzfi-rah Abdul Halim memberitahu,

pengembaraan GISO itu memberi pendedahan kepada pelajar mengenali keadaan baharu di negara yang dilawati.

"Pelbagai aktiviti dan pengisian dijalankan bersama masyarakat Seoul menepati objektif GISO antaranya program Qurban Insaniah di Masjid Itaewon pada Aidiladha, program *Wonder Korea* yang membawa misi menyebarkan dakwah di beberapa tempat menarik di Korea.

"Sumbangan turut dihulurkan sebagai kenangan kepada Masjid Itaewon, antaranya 30 naskhah al-Quran, 20 naskhah risalah bercetak dalam dwibahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Korea," katanya di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, turut diadakan pada program berkenaan *Coffee House*:

AnnyeongHaseyo bersama pelajar tempatan di beberapa universiti terkemuka Korea yang mana langsung menjalin ukhuwah dengan masyarakat di sana tidak mengira latar belakang.

Mudzfi-rah memberitahu, paling menarik perhatian sewaktu mereka mengadakan kunjungan di Seoul National University (SNU) dengan disambut dengan kata aluan Bahasa Melayu yang dituturkan fasih oleh pelajar SNU.

"Secara keseluruhan program pengantarabangsaan ini mewujudkan semangat kerjasama tinggi dalam kalangan peserta dan memberi peluang untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman yang belum pernah diperolehi di Malaysia," katanya.